

10/10/1999

Kerajaan kaji Akta Menghina Mahkamah

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji cadangan Majlis Peguam supaya mewujudkan Akta Menghina Mahkamah, yang antara lain turut menyentuh kedudukan peguam yang juga ahli politik yang sentiasa dilindungi kekebalan mahkamah dan Parlimen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kajian itu perlu kerana banyaknya penyalahgunaan dalam definisi menghina mahkamah terutama kalangan peguam yang juga ahli politik, ketika membuat kenyataan.

"Sekarang ini, Majlis Peguam sendiri yang mencadangkan diadakan undang-undang berkenaan, mencari definisi apa yang dimaksudkan dengan menghina mahkamah.

"(Ini adalah kerana) Pada masa sama kedudukan menghina mahkamah ini boleh digunakan oleh ahli politik yang melindungi diri menerusi kenyataan mereka ketika dalam mahkamah.

"Ini saya sebut secara umum, bukannya membabitkan kes Datuk Seri Anwar (Ibrahim)... secara umum kemungkinan seseorang peguam yang juga ahli politik mengguna mahkamah untuk membuat kenyataan politik tetapi dapat dilindungi mahkamah," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai memorandum yang dihantar Majlis Peguam yang mencadangkan supaya satu undang-undang membabitkan tindakan menghina mahkamah dibentuk, berikutan tidak ada satu definisi yang jelas mengenai perkara itu sekarang.

Pelbagai isu menghina mahkamah timbul dalam perbicaraan membabitkan bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang antara lain turut diwakili oleh seorang peguam yang juga seorang ahli Parlimen. Khamis lalu, Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh, yang juga seorang peguam, berkata Perdana Menteri tidak boleh mengugut peguam bela yang menjalankan tugas untuk anak guamnya kerana itu boleh dianggap menghina mahkamah.

Karpal turut berkata, Dr Mahathir sepatutnya tahu setiap kenyataan yang dibuat dalam mahkamah dan Parlimen tidak boleh dicabar kerana kekebalannya.

Dr Mahathir yang mengulas mengenai perkara itu berkata, beliau menghormati sistem perundangan yang ada sekarang, tetapi kerajaan tetap mempunyai hak untuk menegur sebarang kenyataan yang dibuat di luar mahkamah.

"Kita tidak boleh nafi, kita tidak boleh tegur dan tidak boleh kata apa-apa, kita mesti senyap... tapi dia dapat keuntungan dari segi politik.

"Tetapi, itu adalah sistem perundangan negara kita, (seseorang) ahli politik yang menjadi peguam boleh berselindung di dalam mahkamah, dengan membuat kenyataan politik dan kita tidak boleh tegur.

"Dan saya hormati sistem ini, jadi dia boleh buat apa dia suka dalam mahkamah dan kenyataan ini dikeluarkan dalam akhbar dan kita tidak boleh tegur... kita akan hormati itu. Tetapi kita mempunyai hak menegur kenyataan yang dibuat di luar mahkamah," tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali, yang bertanggungjawab atas sistem perundangan Malaysia, berkata memorandum daripada Majlis Peguam yang diterima dua bulan lalu, diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk kajian bagi menggaris draf Akta Menghina Mahkamah.

Menurutnya, memorandum Majlis Peguam itu selain mencadangkan supaya mengadakan undang-undang menghina mahkamah yang lebih jelas turut meminta

supaya hakim turut dibabitkan dalam tindakan yang sama.

"Bagaimanapun, kerajaan menganggap permintaan membabitkan hakim itu sebagai tidak munasabah, kerana hakim sepatutnya mengatasi segala-galanya dan jika ada hakim menghadapi masalah mereka mempunyai tribunal yang dikhaskan untuk menentukan soal kewibawaan hakim sekiranya perkara itu berbangkit.

"Di samping itu, jika hakim turut disabitkan dengan cadangan akta itu, hampir pasti perbincangan yang diadakan akan lebih berlarutan dan merumitkan," katanya.

Ibrahim berkata, draf cadangan akta itu juga mungkin akan mengandungi status seorang peguam yang juga seorang Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Saya mencadangkan supaya seorang peguam yang terbabit di dalam politik, sebaik saja dia memenangi kerusi Parlimen atau DUN perlu meletak jawatan daripada kerjaya itu bagi mengelak berlaku percanggahan," katanya.

Bagaimanapun, draf cadangan itu mungkin mengambil masa berikutan Pegawai Peguam Negara kini kekurangan kakitangan disebabkan perlu menumpukan perhatian terhadap kes membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri yang berlarutan hampir setahun, katanya lagi.

(END)